

Bab 7

Kesimpulan

Pergerakan komunis di Tanah Melayu telah bermula sejak tahun 1920-an. Komunis bercita-cita memperkuatkan kedudukan dalam politik Tanah Melayu agar boleh mengambil alih pentadbiran negara ini daripada British apabila British meninggalkan Tanah Melayu. Tetapi kerana adanya sekatan terhadap percubaan mereka, komunis memulakan satu siri keganasan pada tahun 1948. Ia mencapai kemuncak pada 16 Jun 1948 dengan pembunuhan tiga orang peladang Eropah di Sungai Siput, Perak. Ekoran daripada itu, kerajaan mengisytiharkan Undang-Undang Darurat di seluruh negara bagi melindungi nyawa dan harta benda penduduk serta mengekalkan keamanan negara. Undang-Undang Darurat hanya ditarik balik pada 31 Julai 1960 apabila komunis tidak lagi menjadi ancaman kepada keamanan negara. Zaman darurat yang berlanjutan selama 12 tahun itu mendatangkan banyak kesusahan kepada penduduk Tanah Melayu akibat daripada persaingan kuasa antara komunis dengan kerajaan British. Zaman ini menyebabkan masalah perkauman semakin tegang dan memperlambatkan pembangunan kemudahan sosial di Tanah Melayu. Pendek kata, darurat mencorakkan keadaan sosial di Tanah Melayu.

Zaman darurat merupakan satu pengalaman pahit bagi penduduk Tanah Melayu, sama ada orang Melayu, orang Cina, orang India, Orang Asli; bahkan orang Eropah yang ada di Tanah Melayu pada masa itu. Sepanjang tempoh itu, kehidupan penduduk dicengkam oleh rasa bimbang, takut menjadi mangsa ugutan dan kekejaman panggas komunis. Ini kerana keganasan komunis boleh berlaku di mana-mana, pada bila-bila masa dan ke atas sesiapa sahaja tanpa sebab. Bentuk keganasan yang sering dilakukan

oleh komunis terhadap penduduk Tanah Melayu, termasuklah serangan bom tangan, penculikan, pembunuhan, ugutan dan memusnahkan harta benda. Kesemua ini menghuru-harakan kehidupan penduduk. Komuniti di estet dan lombong juga menghadapi hidup yang tidak terjamin kerana sering berdepan dengan serangan komunis. Ini selaras dengan strategi komunis untuk menyekat pembangunan ekonomi dan menyebabkan pengangguran berleluasa. Apabila keadaan itu terjadi, pekerja akan hilang keyakinan kepada pihak kerajaan dan mudah dipengaruhi oleh komunis. Untuk tujuan itu, sejumlah besar kuantiti getah dicuri dan beribu-ribu pokok getah dirosakkan bagi mengelakkan daripada menghasilkan susu getah. Alat jentera dan mesin lombong turut dirosakkan oleh penganas komunis. Tempat tinggal pekerja di estet dan lombong, rumah asap serta rumah pengurus dibakar. Ini mengakibatkan penoreh dan pelombong kehilangan pekerjaan dan tempat tinggal. Bagi sektor getah, misalnya, pada tahun 1951, kerosakan estet dalam masa enam bulan bernilai \$8,100,000, meningkat dari \$6,300,000 pada tahun 1950.¹ Perkembangan ini bukan sahaja mendatangkan kerugian kepada pihak pengurusan estet tetapi juga menyusahkan kehidupan dan menjaskankan hasil pendapatan pekerja. Begitu juga, pekerja estet dan lombong ditakut-takutkan dan kadangkala dibunuhi bagi menyekat mereka daripada terus bekerja. Kegiatan jahat komunis ini telah menimbulkan kekacauan di seluruh negara. Dengan itu, pihak komunis berharap kegiatan keganasan dan sabotaj yang dilakukan itu dapat mengurangkan keyakinan penduduk terhadap kerajaan, melemahkan ekonomi orang perseorangan dan negara serta seterusnya melumpuhkan jentera pentadbiran kerajaan.

Pada masa yang sama, langkah kerajaan dalam menangani komunis turut mendatangkan kesusahan kepada penduduk Tanah Melayu. Demi mengasingkan dan memutuskan hubungan komunis dengan penduduk, kerajaan bertindak mengenakan hukuman berkurung, memindahkan penduduk ke kem tahanan, memusnahkan kampung,

mengenakan catuan makanan dan mengarahkan kedai ditutup. Tindakan kerajaan itu mengakibatkan kesulitan kepada penduduk di mana kegiatan harian mereka terganggu dan pergerakan dibataskan. Mereka juga menghadapi kerugian harta benda apabila tindakan pemusnahan kampung dijalankan oleh pihak berkuasa. Dalam pada itu, penduduk yang dipindahkan ke kampung baru turut hidup dalam kesusahan. Mereka dikumpulkan di kawasan yang dipagari kawat berduri sepanjang masa, perintah berkurung yang berpanjangan dari petang hingga esok pagi, sekatan makanan, pemeriksaan badan di pintu keluar masuk kampung baru, yang kesemuanya mengganggu kehidupan penduduk. Peraturan darurat ini menimbulkan ketidakpuasan hati penduduk kampung baru kerana ia menyebabkan ketidakselesaan hidup. Sesungguhnya, penduduk ketika itu hidup dalam ketakutan dan tidak tenteram disebabkan oleh tindakan kedua-dua belah pihak, iaitu pihak komunis dengan kekejaman mereka dan pihak British dengan perintah berkurung, hukuman dan tangkapan yang dilakukan ke atas penduduk yang disyaki menyokong komunis. Zaman darurat yang berlanjutan selama 12 tahun disebabkan pengganasan komunis telah meninggalkan kesan ke atas kehidupan setiap penduduk di Tanah Melayu. Beratus-ratus penduduk mati, beratus-ratus juga mengalami kecederaan; beratus-ratus juga melihat harta benda dan rumah mereka dimusnahkan. Dalam kata lain, kehidupan keseluruhan penduduk Tanah Melayu terganggu akibat darurat. Hal ini diakui oleh Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu, Jeneral Templer dalam Majlis Perundungan Persekutuan pada 19 Mac 1952:

There is no one who is not effected in his daily life by the Emergency.
There is not one person who has not a personal responsibility for contributing something to its suppression. The Emergency is a thread that runs through the pattern of all our lives, whether we are employed in the Government, in Commerce, in Industry, in our own business or in winning a livelihood from the soil.²

Tempoh 1948-1960 turut memperlihatkan masalah dalam hubungan kaum di Tanah Melayu. Asas ketegangan antara kaum yang diletakkan oleh pendudukan Jepun di

Tanah Melayu, dan ia menjadi semakin rumit berikutan dengan peristiwa darurat di Tanah Melayu. Kurang keterlibatan orang Cina dalam pasukan keselamatan bersama dengan kaum lain dalam usaha kerajaan membanteras komunis menimbulkan rasa tidak senang hati di kalangan penduduk Melayu. Lebih-lebih lagi, pada pendapat orang Melayu, komunis itu orang Cina dan mereka juga adalah yang paling ramai menyokong komunis. Pada masa yang sama, rasa cemburu terhadap orang Cina meningkat apabila melihat kebanyakan orang Cina yang ditempatkan semula di kampung baru berpeluang menikmati kemudahan asas yang disediakan seperti bekalan air, elektrik, sekolah dan klinik kesihatan. Ini berbeza dengan keadaan orang Melayu yang tinggal di kawasan luar bandar atau kampung. Oleh itu, timbul perasaan marah di kalangan orang Melayu. Lanjutan daripada itu, konflik perkauman berterusan di Tanah Melayu. Dalam pada itu, orang Melayu mula sedar bahawa kedudukan ekonomi mereka tidak berubah tetapi kuasa politik mereka terpaksa dikongsi bersama dengan orang Cina. Pada tahun 1952, MCA telah bergabung dengan UMNO membentuk Parti Perikatan untuk menghadapi pilihanraya Majlis Bandaran Kuala Lumpur. Pada masa yang sama, perkembangan yang berlaku di China turut meningkatkan lagi punca perselisihan antara penduduk di Tanah Melayu. Sikap orang Cina terhadap kejayaan penubuhan kerajaan komunis di China menimbulkan kebimbangan orang Melayu di Tanah Melayu. Ini kerana komunis yang berada dalam hutan juga terdiri daripada orang Cina. Jurang perbezaan antara kaum dalam masyarakat majmuk di negara ini telah wujud sebelum darurat lagi. Jurang tersebut diperbesarkan lagi oleh perkembangan pada zaman darurat.

Walau bagaimanapun, dengan kesedaran yang timbul di kalangan penduduk dan kerajaan, usaha diambil bagi mencari jalan penyelesaian dan memupuk persefahaman antara kaum agar komunis tidak mempunyai alasan dan peluang untuk mempengaruhi mereka. Usaha tersebut melahirkan beberapa organisasi penting yang menuju ke arah

tujuan tersebut. Organisasi yang dimaksudkan ialah CLC, MCA dan Perikatan UMNO-MCA-MIC. Organisasi ini penting bagi memperbaiki hubungan antara kaum dan memastikan proses menamatkan darurat menjadi lebih berkesan dan tercapai. Walaupun perasaan perkauman tidak dapat dihapuskan sepenuh, namun ia sekurang-kurangnya dapat mewujudkan suatu suasana yang harmoni dalam hubungan kaum. Keadaan ini amat penting dalam proses menamatkan darurat. Lahirnya CLC pada tahun 1949 adalah bertujuan untuk memperbaiki hubungan antara kaum di Tanah Melayu. Dengan pembentukan CLC, pemimpin setiap kaum dapat bertemu dan berbincang serta mencari penyelesaian ke atas masalah yang dihadapi mereka. Dalam pada itu, salah satu tujuan penubuhan MCA ialah untuk mengadakan tumpuan dan pilihan yang lain kepada orang Cina, selain daripada PKM. Penubuhan MCA dibenarkan pada zaman Henry Gurney yang merasakan bahawa tanpa kerjasama orang Cina, pengganasan komunis tidak dapat dihapuskan dengan berkesan. Pada masa yang sama, kerajaan kolonial menggalakkan pemimpin Cina memusatkan tenaga mereka untuk menujuhkan sebuah pertubuhan bagi menghimpunkan sokongan orang Cina dalam kempen menentang pemberontakan komunis.³ Jelaslah bahawa penubuhan MCA, pada mulanya menjadi alat pembendung pengaruh komunis dan kemudian pula menjadi tumpuan aktiviti politik kaum Cina. British juga bercadang mempercepatkan kemerdekaan yang memberi peluang kepada penduduk untuk menentukan sendiri corak pemerintahan. Untuk itu, perpaduan antara kaum perlu dipupuk. Akhirnya, wujud tiga pertubuhan politik yang mewakili tiga kaum utama, iaitu UMNO, MCA dan MIC bergabung membentuk Parti Perikatan. Pembentukan Perikatan UMNO-MCA-MIC bertujuan antara lain untuk menunjukkan perpaduan dan kerjasama antara penduduk berbilang kaum telah tercapai. Dengan itu, komunis tidak mempunyai alasan untuk memecahbelahkan penduduk dan mendominasi mereka. Sekaligus, ia dapat memuaskan hati pihak British bahawa penduduk telah

mencapai kesepakatan dan kesefahaman serta bersedia untuk mengambil alih kepimpinan Tanah Melayu daripada tangan penjajah.

Selaras itu, pendidikan dilihat sebagai alat yang boleh memperbaiki hubungan antara penduduk berbilang kaum di Tanah Melayu, yang sekaligus juga dapat menimbulkan kesetiaan dan semangat kenegaraan kepada Tanah Melayu. Dalam bidang pendidikan, tugas utama kerajaan ialah membentuk satu dasar yang dapat menyatukan kanak-kanak dari semua bangsa. Dengan itu, kerajaan bertindak untuk menyediakan pendidikan rendah percuma untuk kanak-kanak semua bangsa. Walaupun Tanah Melayu masih jauh dari pencapaian yang dihajati tetapi banyak usaha dilakukan. Sekolah baru telah dibina dengan guru yang terlatih. Malahan, sekolah turut didirikan di kawasan penempatan semula dan *jungle fort* Orang Asli walaupun tidak sepenuhnya. Ini kerana kerajaan sedar bahawa pendidikan penting dalam memberi kesedaran kepada penduduk agar menjauhkan diri daripada komunisme. Selain itu, kerajaan juga sedar bahawa pendidikan merupakan alat penting untuk mencapai penyatuan di kalangan penduduk Tanah Melayu yang berbilang kaum, lebih-lebih lagi untuk menuju ke arah pemerintahan sendiri. Oleh itu, kerajaan mula memberi perhatian terhadap pendidikan. Segala dasar pendidikan digubal ke arah penyatuan penduduk Tanah Melayu. Ini amat berlainan sekali kerana sebelum tahun 1948 soal pendidikan tidak dipentingkan dan mengakibatkan wujudnya empat aliran pendidikan yang berlainan. Keadaan ini tidak memungkinkan lahirnya perpaduan dan kesamaan di kalangan penduduk Tanah Melayu yang berbilang kaum. Dengan itu, tidak dapat dinafikan bahawa darurat telah memberi kesedaran untuk menyatukan penduduk Tanah Melayu yang berbilang kaum melalui pendidikan. Dengan adanya kesatuan dan kerjasama di kalangan penduduk, usaha membanteras komunis akan lebih berkesan dan kekacauan yang berlaku dapat ditamatkan secepat mungkin. Namun demikian, usaha ke arah itu terganggu memandangkan kerajaan terpaksa membelanjakan

kos yang banyak untuk mengatasi kegiatan komunis seperti memulihkan kerosakan dan meredakan kesulitan yang berbangkit akibat pengganas. Kehadiran kanak-kanak di sekolah turun naik mengikut keadaan semasa pada zaman darurat. Ini terutamanya dirasai di sekolah Cina.

Kemudahan asas di Tanah Melayu juga sering menjadi sasaran sabotaj pengganas komunis. Landasan keretapi kerap kali dirosakkan dan dibomkan oleh pengganas. Keretapi diserang dan ditembak oleh pengganas komunis. Begitu juga, sabotaj ke atas kenderaan jalan sering berlaku. Keadaan ini mengancam nyawa pengguna jalan dan penumpang keretapi serta menjadikan perkhidmatan bas dan keretapi. Dengan itu, pihak kerajaan dan Keretapi Malaya terpaksa mengambil berbagai langkah demi keselamatan pengguna jalan raya dan penumpang keretapi. Selain itu, talian telefon dipotong, kabel elektrik dan paip air diputuskan oleh pengganas komunis menyukarkan kehidupan penduduk. Pekerja Jabatan Kerja Raya yang ditugaskan untuk membina jalan raya, memasang dan memperbaiki paip air, menjalankan penyelidikan di tapak skim hidroelektrik, mengendalikan pembinaan skim pengairan dan perparitan, misalnya, sering berdepan dengan serangan komunis dan sedikit sebanyak telah menjadikan perkembangan projek sosial yang dirancang untuk meningkatkan taraf hidup penduduk. Bagaimanapun, zaman darurat turut memperlihatkan perkembangan kemudahan asas. Jalan raya dibina untuk tujuan pergerakan pasukan keselamatan ke kawasan terpencil turut memudahkan pergerakan penduduk; bekalan elektrik untuk lampu keliling pagar di kampung baru untuk mengesan pengganas komunis, kemudiannya turut disambungkan ke rumah di kampung baru. Berikutnya, kemudahan air paip juga dapat dinikmati oleh penduduk kampung baru, yang mana langkah itu adalah untuk memenangi sokongan mereka agar berpihak kepada kerajaan. Selaras itu, kerajaan turut menyediakan sistem pengairan dan perparitan untuk meningkatkan taraf hidup penduduk Tanah Melayu. Oleh

kerana negara menghadapi keadaan huru-hara, kemudahan kesihatan dan perubatan berkembang perlahan-lahan. Perkhidmatan ini adalah suatu keperluan dalam memperbaiki kehidupan penduduk, lebih-lebih lagi dalam zaman pengganasan komunis demi memenangi sokongan dan keyakinan penduduk. Bagaimanapun, sikap pemusnahan komunis seperti mensabotaj kemudahan asas membebankan dan menyulitkan kehidupan penduduk serta mengancam kestabilan Tanah Melayu.

Usaha yang dijalankan oleh kerajaan dalam menangani komuis di Tanah Melayu melibatkan kos yang tinggi. Kerugian yang dihadapi oleh masyarakat dan negara memang berat memandangkan lamanya masa darurat yang berlaku selama 12 tahun. Ramai nyawa orang awam yang tidak berdosa dikorbankan pada zaman ini di samping pasukan keselamatan. Dalam tempoh ini, kira-kira 11,000 nyawa terkorban, termasuk 2,500 penduduk yang menjadi mangsa kekejaman komunis. Jumlah nilai harta benda yang dirosakkan oleh pengganas komunis tidak dapat diukur. Begitu juga, perbelanjaan yang banyak terpaksa dicurahkan untuk tujuan menewaskan komunis dan menamatkan darurat.⁴ Ekoran daripada itu, pembangunan sosial penduduk tergendala kerana peruntukan diberi keutamaan kepada usaha menentang komunis.

Darurat yang berlangsung selama 12 tahun itu banyak menyaksikan kemusnahan dan pengorbanan. Lebih menyedihkan lagi apabila golongan tertentu, terutamanya penduduk kampung, yang tidak mempunyai kepentingan atau cita-cita politik turut sama menanggung azab daripada kekacauan yang ditimbulkan oleh pengganas komunis. Tempoh darurat yang berpanjangan itu telah membawa implikasi yang mendalam kepada penduduk Tanah Melayu. Kebebasan penduduk disekat dan rasa ketakutan dengan keganasan komunis sering menghantui penduduk dalam zaman tersebut. Pengganas komunis melakukan kejahatan menyamun, menakut-nakutkan dan membunuh orang awam serta membawa kesusahan kepada seluruh isi negara dan mengganggu keamanan

negara. *Panduan Raayat*, 14 Ogos 1950, menyimpulkan tindakan pengganas komunis di Tanah Melayu sebagai “Menyempitkan pintu rezeki dan menjahanamkan mata-pencharian orang2 miskin dan pekerja2 serta melakukan aniaya ka-atas orang2 yang dzaif dan tidak berdosa.”⁵ Pengarang akhbar Melayu Pulau Pinang, *Warta Negara*, bertarikh 10 Oktober 1951 pula, mengharapkan darurat tidak menjelaskan pembangunan di Tanah Melayu.⁶ Namun begitu, sebenarnya tidak dapat dinafikan projek pembangunan telah tergendala kerana pada zaman itu segala perhatian dan sumber dicurahkan dalam usaha menentang pengganas komunis.

Dengan itu, jelas bahawa tempoh darurat selama 12 tahun itu mendatangkan banyak kesulitan kepada penduduk Tanah Melayu, kesan daripada kegiatan komunis dan langkah kerajaan untuk membanteras komunis. Masalah perkauman bertambah rumit pada zaman ini, walaupun lahir kesedaran untuk memperbaiki dan mengurangkan ketegangan kaum. Pendidikan tidak dapat diberi perhatian sepenuh kerana segala sumber negara ditumpukan kepada usaha menentang pengganas komunis. Begitu juga, pembangunan kemudahan asas terjejas dalam zaman huru-hara di Tanah Melayu. Pada zaman ini, tenaga kerja lebih diperlukan untuk tugas-tugas yang berkaitan darurat seperti sebagai anggota pasukan keselamatan, pegawai penempatan semula dan penolongnya, daripada pembinaan projek pembangunan sosial negara.

¹ *Federation of Malaya Annual Report 1951*, hlm. 4.

² Speech By His Excellency The High Commissioner To The Federal Legislative Council 19th March, 1952, hlm. 1, dalam C.O. 1022/100/SEA34/192/01, The High Commissioner Addresses To The Legislative Council

³ *The Straits Times*, 25 June 1953, hlm. 1; 8 August 1953, hlm. 7. Lihat juga *Malayan Mirror*, Vol. 1, No. 1, 14 June 1953, hlm. 3.

⁴ Kos darurat berjumlah antara \$250,000 hingga \$300,000 sehari. Dengan itu, kerajaan terpaksa membelanjakan lebih \$10 juta sebulan atau \$120 juta setahun untuk tujuan menentang komunis. Sepanjang tahun 1948-1960, kerajaan membelanjakan kira-kira \$1,300 juta untuk tujuan tersebut. *Federation of Malaya Annual Report 1949*, hlm. 208; *Kin Kwok Daily News*, 2 April 1949, hlm. 1; *Indian Daily Mail*, 18 February 1949, hlm. 4, 2 March 1949, hlm. 2; 7 June 1949, hlm. 4; 29 October 1949, hlm. 1; *The Straits Times*, 10 November 1953, hlm. 4, *The China Press*, 4 June 1949, hlm. 5; *Sing Pin Jih Pao*, 18 February 1949, hlm. 3, 10 July 1950, hlm. 4; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 4 June 1949, hlm. 4; *The Malay Mail*, 18 January 1949, hlm. 4; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 15 January 1949, hlm. 8; 10 January 1950, hlm. 4, 19 October 1950, hlm. 3; 18 December 1950, hlm. 4; *Straits Echo & Times of Malaya*, 19 October 1950, hlm. 5, *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 12 January 1950, hlm. 4; 16 January 1950, hlm. 4, 6 May 1950, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Ipoh)*, 16 January 1950, hlm. 4; 20 December 1950, hlm. 4. Lihat juga Emergency Leaflet No. 181, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, K761/1948, Emergency Leaflets; Office of The Member For Economic Affairs, The Treasury, Kuala Lumpur, Malaya, *Progress Report on The Development Plan of The Federation on Malaya 1950-1952*, Kuala Lumpur Government Press, 1953, hlm. 6; *Background Information and Material For Speakers-The Emergency and Anti-Bandit Month*, hlm. 4 dan 25; *Communist Banditry In Malaya, Extract From Speeches by The High Commissioner Sir Henry Gurney, K.C.M.G., 1948-1949*, hlm. 6. Rujuk juga *Workers of Malaya Unite Against Communism*, Kuala Lumpur: Department of Public Relations, 1950, hlm. 3, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, RCP/PUB/18/50(1), Emergency Regulations-Publicity Material, 1950, *British Malaya*, Vol. 23, No. 11, March 1949, hlm. 178; *British Malaya*, Vol. 23, No. 12, April 1949, hlm. 201; *British Malaya*, Vol. 24, No. 3, July 1949, hlm. 264; P.R. 26/95, Darurat di Negeri Perak. Lihat juga Cheah Boon Kheng, "Some Aspects of The Malayan Emergency: 1948-1960", hlm. 113, "Pengisytiharan Tamat Darurat", dalam *Hari Ini Dalam Sejarah*, Julai 1984, tiada penerbit dan tahun, hlm. 1; Enclose To Y No. 365 Saving Dated 29th December 1953-Malaya, hlm. 1, dalam C.O. 1022/2/10/03, Information Supplied To Government Departments, on The General Situation of The Emergency In Malaya, Wan Hamzah Awang, *Detik Sejarah Rundingan Baling*, hlm. 115. Nicholas Tarling, *Southeast Asia: A Modern History*, hlm. 131, menyatakan kos darurat dari tahun 1948 hingga 1960 berjumlah £180 juta. Sementara itu, Anthony Short, *In Pursuit of Mountain Rats: The Communist Insurrection in Malaya*, hlm. 347, menyatakan kos darurat pada tahun 1948 adalah \$14,000,000; pada tahun 1949 ialah \$50,000,000, pada tahun 1950 berjumlah \$60,000,000; kos pada tahun 1951 ialah \$155,000,000; pada tahun 1952 pula sebanyak \$210,000,000 dan kosnya dianggarkan meningkat kepada antara \$250,000,000 hingga \$270,000,000 pada tahun 1953.

⁵ *Panduan Raayat*, 14 August 1950, hlm. 4, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, RCP/PUB/18/50, Emergency Regulations-Publicity Material, 1950.

⁶ "The political awakening of the people and the Emergency require special attention. Developments in the political and other fields should be carried out and should not be hampered by the Emergency" *Warta Negara*, 10.10.51, dalam Extract From The Federation of Malaya Daily Press Summary-Vernacular Papers No. 232/51 of 12th October 1951, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, N.S. State Secretariat No. 1035/51, Sir Henry Gurney Killed by Communist Bandits on 6th October 1951.